



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGARAH EKSEKUTIF
INTERNATIONAL PEPPER COMMUNITY 2021**

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA
UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH**

1. Jawatan : **Pengarah Eksekutif**
2. Kementerian/Jabatan/ Organisasi : ***International Pepper Community (IPC)***
Tempat Bertugas : **Jakarta, Indonesia**
Taraf Jawatan : **Kontrak**
Tempoh Pelantikan : **3 Tahun**
Pelantikan untuk tempoh dua (2) tahun. Tempoh ini boleh dilanjutkan sehingga maksimum satu (1) tahun selepas kajian prestasi oleh Jawatankuasa Eksekutif.
3. Gaji : **USD28,500** setahun, bersih dan bebas cukai. Gaji akan dibayar separuh bulanan dalam USD dan separuh lagi dalam mata wang tempatan.
4. Kelayakan Elaun : **Elaun Pelantikan**
Pegawai Ekspatriat hendaklah dibayar elaun pelantikan bersamaan dengan satu (1) bulan gaji atas pengambilan tugas.
: **Elaun Penamatan Tugas**
Gaji satu (1) bulan Pengarah Eksekutif dibayar pada akhir perkhidmatan setiap tahun.
: **Elaun Pendidikan Kanak-Kanak**
Kelayakan **USD800** setahun bagi seorang anak yang berusia bawah 21 tahun dan bersekolah. Tertakluk kepada maksimum dua (2) orang kanak-kanak. (Disokong oleh Sijil Kelahiran anak-anak)
: **Elaun Perumahan**
Kelayakan **USD1,100** sebulan untuk Pengarah Eksekutif.
5. Faedah Sampingan : **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja**
Oleh Majikan: 15% atau 10%
Oleh Pekerja: 6%



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGARAH EKSEKUTIF
INTERNATIONAL PEPPER COMMUNITY 2021**

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA
UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH**

- : **Kemudahan Perubatan**
Kelayakan insurans dan perbelanjaan perubatan dengan jumlah maksimum yang ditetapkan oleh IPC.
- : **Insurans Hayat**
Kelayakan insurans nyawa dengan jumlah yang sama dengan dua kali ganda gaji tahunannya.
6. Syarat lantikan : Berumur tidak kurang daripada 35 tahun dan tidak melebihi 60 tahun pada masa mengemukakan permohonan;
- Ijazah Universiti dan ijazah Sarjana**
dalam Pertanian / Pemasaran / Ekonomi adalah diutamakan;
- Minimum sepuluh (10) tahun pengalaman memegang jawatan dalam perkhidmatan awam atau dalam bidang pertanian dengan keutamaan berkaitan industri lada;
- Mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam sektor komoditi dan perdagangan antarabangsa khususnya pengetahuan tentang pengeluaran lada, pemprosesan, ekonomi serta pemasaran;
- Bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik serta berkeupayaan untuk berurusan dengan organisasi antarabangsa yang lain; dan
- Pengetahuan dan penguasaan dalam bahasa lain adalah kelebihan tambahan.
7. Ringkasan Tugas : Pelaksanaan program kerja IPC selaras dengan keputusan Sesi Mesyuarat Lada Antarabangsa, Artikel Perjanjian serta Peraturan Prosedur Komuniti;



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGARAH EKSEKUTIF INTERNATIONAL PEPPER COMMUNITY 2021

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

Mengekal dan membina rangkaian kerja IPC dengan agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, organisasi antarabangsa lain dan badan-badan perdagangan serta perindustrian di sektor kerajaan dan swasta yang berurusan dengan sektor lada;

Mengikuti semua tawaran bantuan daripada organisasi antarabangsa dan sumber lain termasuk pembangunan cadangan projek selepas berunding dengan negara-negara anggota IPC;

Bertanggungjawab dalam melaksanakan rundingan dengan Pengerusi Komuniti untuk semua urusan Sesi IPC termasuk notis, jemputan, dokumentasi, penyediaan agenda, dan sebagainya selaras dengan Perkara Perjanjian dan Kaedah-Kaedah Prosedur Komuniti;

Bertindak sebagai pelapor di semua mesyuarat IPC dan mengedarkan laporan mesyuarat;

Menyediakan belanjawan tahunan IPC dan mengedarkan kepada negara-negara anggota mengikut Aturan Prosedur;

Bertindak sebagai Ketua Pegawai Pentadbir Sekretariat IPC dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan mana-mana kewajipan yang digunapakai olehnya dalam pentadbiran Perjanjian ini;

Bertanggungjawab dalam mengadakan rundingan dengan Pengerusi IPC untuk mengemukakan permintaan dana tambahan IPC sekiranya belanjawan yang diluluskan tidak mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan semasa;



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGARAH EKSEKUTIF
INTERNATIONAL PEPPER COMMUNITY 2021**

**INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA
UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH**

Menyediakan draf laporan tahunan aktiviti IPC yang akan dibentangkan di Sesi Tahunan Komuniti;

Menentukan dan berunding dengan Pengerusi IPC bagi prosedur berkenaan dengan publisiti dan media massa IPC termasuk penerbitan buletin tetap Mesyuarat Lada Antarabangsa; dan

Melaksanakan tugas-tugas lain yang perlu demi kepentingan IPC selaras dengan "Perkara Perjanjian" dan "Kaedah-Kaedah Prosedur", dan dengan perbincangan sesi Komuniti.

CARA MEMOHON:

Pemohon yang berminat boleh membuat permohonan dengan menghantar resume dan sijil/dokumen yang berkaitan ke alamat:

**Kementerian Industri Utama
Bahagian Pembangunan Industri Koko dan Lada (IKL)
No.15, Aras 6-12A, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA**

TARIKH TUTUP:

Dokumen hendaklah dihantar ke alamat tersebut di atas **selewat-lewatnya pada 14 Februari 2020 (Jumaat)**.

PERHATIAN:

- (i) Permohonan yang tidak lengkap diisi atau lewat diterima tidak akan dilayan;
- (ii) Hanya calon yang berjaya dalam proses saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
- (iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan boleh menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, terima kasih.